

RESEARCH NOTE

PENILAIAN SEMULA KEBERKESANAN PUSAT KEHIDUPAN BERDIKARI ORANG KURANG UPAYA DI LEMBAH KLANG

A RE-EVALUATION OF THE EFFECTIVENESS OF INDEPENDENT LIVING CENTRES FOR PERSONS WITH DISABILITIES IN KLANG VALLEY

Mohamad Muzammil Mohamad Noor

Association of Malaysian Researchers and Social Services (AMRASS), 08800 Guar Chempedak, Kedah, Malaysia

Email: pfm7615@gmail.com

Published online: 30 April 2025

To cite this article: Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2025. Penilaian semula keberkesanan pusat kehidupan berdikari orang kurang upaya di Lembah Klang. *Kajian Malaysia* 43(1): 349–363. <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.16>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2025.43.1.16>

ABSTRACT

The Independent Living Center (ILC) service programme was introduced by the Malaysian government through the Department of Social Welfare in 2019. This service programme is a specialised initiative designed for persons with disabilities (PWD) as a foundation for fostering independent living. It also targets the PWD community members who seek to embark on an independent life after being in a family institution for an extended period. Since its inception, this service programme has been operational in seven locations, including Sabah and Sarawak. The pioneering introduction of the ILC service programme was through ILC MILAD and ILC@PLPP, both located in Selangor. A year later, ILC@Rawang was allowed to initiate this programme. All three ILC service programme locations serve as research sites to reassess the programme's implementation in the Klang Valley. The purpose of this research note is to outline the research methodology, findings and several recommendations based on the study conducted. The outcomes of this research have a significant impact on the government, government agencies

and associations for PWD, contributing to the efforts to create a “caring society, compassionate nation” by integrating the PWD with other community groups in Malaysia.

Keywords: persons with disabilities, Independent Living Centre, Klang Valley, ILC@PLPP, ILC MILAD, ILC Rawang, Department of Social Welfare

ABSTRAK

Program perkhidmatan Pusat Kehidupan Berdikari (ILC) diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2019. Program perkhidmatan ini merupakan sebuah program khusus yang diperkenalkan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai asas untuk memulakan kehidupan berdikari. Ia turut mensasarkan OKU yang ingin memulakan kehidupan secara berdikari yang telah lama berada dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Sejak diperkenalkan, program perkhidmatan ini telah beroperasi di tujuh lokasi termasuk di Sabah dan Sarawak. Perintis pengenalan program perkhidmatan ILC ialah ILC MILAD dan ILC@PLPP, kedua-duanya terletak di Selangor. Setahun kemudian, ILC@Rawang diberi peluang untuk memulakan program ini. Ketiga-tiga lokasi program perkhidmatan ILC ini dijadikan sebagai tempat kajian penyelidik untuk melihat semula program ini dilaksanakan di Lembah Klang. Tujuan nota penyelidikan ini adalah untuk memaparkan metodologi kajian, penemuan hasil dan beberapa cadangan hasil kajian yang telah dilakukan. Hasil penyelidikan ini memberi impak yang besar kepada pihak kerajaan, agensi kerajaan dan persatuan OKU dalam usaha memberi idea dan membawa bersama-sama OKU dengan kumpulan masyarakat lain di Malaysia dalam usaha mewujudkan konsep “masyarakat penyayang, negara prihatin”.

Kata kunci: Orang Kurang Upaya (OKU), Pusat Kehidupan Berdikari (ILC), Lembah Klang, ILC@PLPP, ILC MILAD, ILC Rawang, Jabatan Kebajikan Masyarakat

PENGENALAN

Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan kumpulan sosial yang sering dipandang sebagai entiti *marginal*. Mereka sering kali terlepas daripada kepedulian masyarakat dan arus pembangunan negara. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat semula keberkesanan program perkhidmatan Pusat Kehidupan Berdikari (Independent Living Centre, ILC) untuk golongan istimewa ini. Usaha

ini penting dalam memberi gambaran dan perancangan hala tuju yang jelas dalam memperbaiki keberkesanan program ini kepada mereka. Penilaian semula program perkhidmatan ILC ini meliputi struktur pengorganisasian Pertubuhan/Kesatuan Orang Kurang Upaya (DPO) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) OKU, perkhidmatan yang disediakan oleh DPO dan NGO OKU serta penambahbaikan program perkhidmatan ini kepada mereka. Di Malaysia, program perkhidmatan ILC ini dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Penyelidikan berkaitan program perkhidmatan ini menjadikan Malaysian Independent Living Association For Disabled Malaysia (MILAD) di Petaling Jaya, ILC@PLPP Bangi dan Independent Living & Training Centre, Malaysia (ILTC) di Rawang sebagai lokasi kawasan kajian.

Kajian ini menghujahkan bahawa aspek ketersediaan diri OKU, ketersediaan sosial dan adaptasi persekitaran OKU turut memainkan peranan penting dalam usaha memahami keperluan fasiliti OKU, seterusnya dapat memberi input baharu sebagai asas penting program ini. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini iaitu (1) mengesan keberkesanan program perkhidmatan ILC sebagai program yang menawarkan perkhidmatan asas memperkasakan OKU Malaysia; (2) memberi input tambahan atau penambahbaikan program ini dalam memberikan perkhidmatan asas bagi memperkasakan OKU Malaysia; dan (3) memberi idea menambahkan perkhidmatan yang lebih baik dan bermanfaat kepada OKU Malaysia. Hasil kajian ini dijangka dapat memberi paradigma baharu dalam usaha memperkasakan OKU dalam persekitaran masyarakat yang harmoni di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Program perkhidmatan ILC mula diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2019 (Mohamad Muzammil 2022, 3; 2023, 48). Ia merupakan perkhidmatan yang menawarkan keperluan asas untuk memperkasakan OKU. Selain memberi tumpuan kepada aspek penentuan matlamat kendiri, kemahiran kehidupan berdikari diberikan agar mereka lebih bersedia untuk memulakan kehidupan berdikari. OKU juga mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri, mampu membuat keputusan sendiri dan diberi penghormatan sebagai individu dalam masyarakat.

Di Malaysia, program perkhidmatan ini ditubuhkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11: 2016–2020 (RMK-11)¹ dengan pengenalan kepada tujuh buah program perkhidmatan ILC seperti dinyatakan di bawah Strategi B6, Memperkasa Orang Kurang Upaya (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi 2018; *Berita Harian* 2018). Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak tujuh buah program perkhidmatan

ILC dapat ditubuhkan iaitu dua buah ILC telah beroperasi pada tahun 2019 dan lima buah program perkhidmatan ILC lagi ditubuhkan pada September 2020 (Mohamad Muzammil 2023, 49). Empat buah program perkhidmatan ILC yang terletak luar dari Selangor ialah di negeri Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak.

Pada peringkat awal pelaksanaannya, individu OKU yang mengalami kecacatan tahap teruk diberikan keutamaan untuk menggunakan program perkhidmatan ini agar dapat menasarkan kepada mereka yang ingin memulakan kehidupan berdikari setelah sekian lama berada dalam sesebuah institusi atau di bawah jagaan ahli keluarga (Mohamad Muzammil 2022, 129). Perkhidmatan yang terkandung dalam program perkhidmatan ILC Malaysia ialah kaunseling rakan sebaya; program hidup berdikari; pembantu peribadi; dan perkhidmatan sokongan, informasi dan advokasi. Mengambil contoh perkhidmatan sokongan, informasi dan advokasi, perkhidmatan ini dilaksanakan di setiap program perkhidmatan ILC untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan bantuan, pekerjaan, Akta OKU 2008 dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan OKU serta khidmat nasihat untuk berurusan dengan agensi kerajaan (Mohamad Muzammil 2022, 4).

Salah satu objektif pengenalan program perkhidmatan ILC Malaysia untuk komuniti ini ialah mewujudkan persekitaran sosial yang kondusif (Mohamad Muzammil 2022, 5). Berobjektifkan hal ini, program perkhidmatan ILC Malaysia dapat meningkatkan kemudahan dan menggalakkan penyertaan OKU secara kolektif dalam aktiviti sosial supaya mereka tidak berasa terpinggir dalam masyarakat. Selain itu, salah satu program perkhidmatan ILC yang dilaksanakan ialah perkhidmatan pembantu peribadi dalam membantu OKU menjalani aktiviti sosial. Khidmat pembantu peribadi ini dapat menyediakan sumber manusia terlatih serta mencukupi yang memberi perkhidmatan kepada OKU dan secara tidak langsung dapat mewujudkan kebertanggungjawaban menjaga dan merasai beban OKU dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam menyediakan program perkhidmatan ILC di Malaysia, pihak JPOKU, JKM berkehendakkan beberapa DPO dan NGO OKU yang dipilih untuk memenuhi keperluan program perkhidmatan ini. DPO dan NGO OKU ini perlu mewakili kepentingan OKU. Tambahan lagi, dengan pengenalan program perkhidmatan ILC, OKU sekurang-kurangnya berkeupayaan meningkatkan penyertaan mereka dalam proses perancangan dan membuat keputusan berkaitan keperluan yang berkaitan. Bagi perkara yang melibatkan hak-hak dan keperluan OKU, mereka amat memerlukan sokongan dan penglibatan masyarakat bagi merealisasikan kehendak mereka. Oleh itu, penglibatan sukarelawan dalam program pembangunan OKU dapat membantu dan membangunkan mereka dari segi fizikal, mental dan sahsiah hidup. Hal ini termasuklah badan kerajaan dan bukan kerajaan terutama sektor

swasta. Misalnya, penglibatan sektor swasta dapat menjalin dan memperkuatkan rangkaian kerjasama multisektor dan multidisiplin dengan mereka. Berdasarkan hal ini, sikap ambil peduli mereka dapat menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi pengumpulan data. Kaedah kaji selidik merupakan tunjang kepada penyelidikan ini yang menggunakan borang soal kaji selidik, temu bual, melihat perkaitan antara Model Sosial Ketidakupayaan dan Model Perubatan (Oliver dan Barnes 2012; UPIAS 1975), sorotan literatur berkaitan OKU Malaysia serta penulisan berkaitan program perkhidmatan ILC di luar negara dan di Malaysia sebagai perbandingan dan sudut pandang kerajaan Malaysia terhadap program perkhidmatan ini. Selain itu, perbincangan kumpulan berfokus (PKB) merupakan pendekatan yang dititikberatkan dalam penyelidikan ini. Seramai 20 orang OKU daripada tiga program perkhidmatan ILC bertemu untuk mengadakan sesi perbincangan secara mendalam. Pengumpulan data yang menggunakan borang soal selidik pula melibatkan tinjauan secara umum melalui aplikasi Google Forms, kerja lapangan di ILC MILAD, Petaling Jaya, ILC@PLPP, Bangi dan ILC Rawang. Melalui tinjauan ini tiada had bilangan OKU di seluruh negara; tinjauan secara individu melibatkan 50 orang OKU di tiga lokasi program perkhidmatan ILC yang dikaji; dan temu bual dengan pengendali DPO dan NGO OKU, OKU dan pegawai JPOKU dan JKM.

PENEMUAN HASIL KAJIAN

Penyelidikan berkaitan keberkesanan program perkhidmatan ILC di tiga buah DPO dan NGO OKU yang melaksanakan program ini di Petaling Jaya, Bangi dan Rawang mendapati ada beberapa masalah dalaman dan luaran yang dihadapi mereka. Daripada hasil kaji selidik yang dijalankan, penyelidik dapat mengesahkan masalah utama iaitu isu-isu yang berkaitan hal-hal dalaman DPO dan NGO OKU yang terpilih mengikuti program perkhidmatan ini. Antaranya ialah tadbir urus dan pengurusan kewangan yang tidak dijalankan dengan sempurna dan mempunyai beberapa kelompongan yang harus diteliti oleh pihak JPOKU dan JKM. Malah, rekod-rekod pentadbiran tidak disusun dengan rapi sehingga terdapat DPO dan NGO OKU yang tidak menyimpan rekod berkaitan di pejabat program ILC tetapi disimpan di pejabat NGO yang berlainan tempat (Mohamad Muzammil 2022, 118).

Selain itu, daripada pengamatan penyelidik semasa melakukan tinjauan lokasi, sesi temu bual dan proses kaji selidik di ketiga-tiga tempat kajian, penyelidik mendapati program perkhidmatan ILC hanya melibatkan majoriti sesebuah kaum sahaja berdasarkan DPO dan NGO OKU mengikut etnik, iaitu ILC@PLPP lebih mementingkan kaum Melayu, begitu juga ILC MILAD dan ILC Rawang untuk kaum Cina dan India. Hal ini tidak melambangkan integrasi kaum yang diharapkan. Ia sepatutnya melibatkan pelbagai kaum yang berada di Malaysia.

Hasil temu bual dan proses kaji selidik di ketiga-tiga lokasi yang dikaji memperlihatkan rata-ratanya OKU serta pihak DPO dan NGO OKU yang terpilih mengikuti program ini sangat bergantung harapan kepada bantuan geran kewangan daripada kerajaan Malaysia melalui JPOKU, JKM. Pada pandangan mereka, tanpa sumber bantuan kewangan yang mencukupi atau sekiranya berlaku kelewatan penyerahan geran kewangan pelaksanaan program perkhidmatan ILC, program ini akan menyukarkan mereka mengaplikasikan Program Hidup Berdikari di lokasi masing-masing. Terdapat juga DPO dan NGO OKU yang terpilih mengikuti program perkhidmatan ini memerlukan sebuah DPO dan NGO OKU yang dianggotai dan diorganisasikan daripada OKU sendiri. Melalui temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa komuniti ini selesa seandainya pentadbiran dan pengurusan tentang program perkhidmatan ILC dilakukan sesama OKU. Mereka beralasan “hanya OKU itu sendiri yang memahami kehendak dan keperluan komuniti mereka”.

Hasil penyelidikan ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa buah DPO dan NGO OKU yang terpilih mengikuti program ini mengadu kurang selesa dengan campur tangan politik daripada parti-parti politik tempatan yang memegang kerusi di lokasi program perkhidmatan ILC. Menurut mereka, parti politik “cuba mengawal” perjalanan aktiviti program perkhidmatan ILC termasuk urusan kewangan serta mempolitikkan isu-isu OKU dan program perkhidmatan ILC untuk komuniti ini. Melalui penjelasan ringkas hasil penemuan penyelidikan ini, didapati masih berlaku halangan dankekangan bagi menjayakan program perkhidmatan ILC di Malaysia.

PENEMUAN HASIL PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (PKB)

Satu penemuan bagi membincangkan hala tuju program perkhidmatan ILC di Malaysia telah diadakan dengan mengumpulkan responden di tiga buah lokasi DPO dan NGO OKU yang menjalankan program ini di Petaling Jaya, Bangi dan Rawang. Seramai 20 orang OKU yang pernah menggunakan perkhidmatan daripada tiga program ILC telah turut serta dan dihadiri oleh penggerusi, penyelaras,

bendahari serta beberapa orang pembantu peribadi daripada tiga buah lokasi DPO dan NGO OKU tersebut. Semua maklumat dan hasil dapatan PKB dianalisis melalui kaedah kualitatif dan disarankan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan dan menguruskan program perkhidmatan ILC di Malaysia iaitu JPOKU dan JKM dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

PENEMUAN HASIL PENANDA ARAS

Membandingkan pelaksanaan program perkhidmatan ILC Malaysia dengan negara-negara luar yang lebih maju dan awal memperkenalkannya seperti di Jepun, Australia, Amerika Syarikat, Kanada dan Eropah dapat memberi penanda aras dalam usaha menambahbaik program perkhidmatan ini. Sebelum program perkhidmatan ILC diperkenalkan oleh KPWKMM melalui agensinya JKM dan JPOKU; DPO dan NGO yang berkaitan OKU seperti ILC MILAD dan ILT Rawang telah didedahkan lebih awal dengan program hidup berdikari untuk OKU yang bekerjasama dengan agensi kerajaan dari Jepun iaitu Japan International Cooperation Agency (JICA) (Independent Living Organization t.t.). Di Jepun, pembangunan program perkhidmatan ILC telah diperkenalkan sejak tahun 1980-an lagi melalui JICA yang diorganisasikan oleh NGO OKU di Jepun. Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Sweden turut memperkenalkan program kehidupan berdikari kepada OKU. Kesemua negara ini mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan daya akses OKU yang hampir lengkap di persekitaran awam. Perbandingan program ILC Malaysia yang baharu empat tahun bermula dengan negara luar yang sudah lama melaksanakannya akan dapat menghasilkan penanda aras yang positif dengan mengambil amalan yang positif bagi tujuan penambahbaikan program perkhidmatan di negara ini.

Begitu juga penyelidikan ini turut membandingkan dan menandaaraskan perkhidmatan kepada OKU dengan institusi OKU lain iaitu Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di dua buah lokasi terpilih di negeri Pulau Pinang iaitu PPDK Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (PPDK KIUSM) dan PPDK Timur Laut (PPDKTL). Ia bertujuan untuk meneliti pelaksanaan PPDK terutama dari segi pengurusan kewangan dan tadbir urus program ini dengan program perkhidmatan ILC. Hasil penanda aras ini dapat memberi input serta melihat kepada keberkesanan pelaksanaan program perkhidmatan ILC untuk ditambahbaik.

PERBINCANGAN

Hasil kajian yang dijalankan di ketiga-tiga tempat yang melaksanakan program perkhidmatan ILC di sekitar Lembah Klang memberikan impak yang positif dengan beberapa saranan atau cadangan bagi menambahbaik program perkhidmatan ini di Malaysia. Pandangan pelaksana atau pengendali program perkhidmatan ILC oleh DPO dan NGO OKU iaitu pengurus, penyelaras, bendahari serta kaunselor rakan sebaya; klien OKU dan pembantu peribadi diambil kira dalam menambahbaik program perkhidmatan ini. Turut memberi pendapat dan pandangan ialah golongan profesional OKU, aktivis OKU, pengendali PPDK serta tinjauan yang dilakukan sepanjang penyelidikan jangka pendek ini. Kesemua sumber ini memberi komen, pendapat dan pandangan untuk dikumpulkan melalui pungutan data dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan program perkhidmatan ini. Syor-syor ini adalah untuk pertimbangan JPOKU, JKM, KPWKM dan Institut Sosial Malaysia bagi memperkasakan dan membangunkan OKU pada masa hadapan.

OKU sangat mengalu-alukan Kerajaan Malaysia memperkenalkan dan melaksanakan program perkhidmatan ILC di negara ini dengan memberi peluang kepada mereka untuk hidup berdikari dengan sokongan masyarakat sekeliling yang normal.² Menurut mereka, masih ada OKU yang hidup bergantung kepada keluarga, jiran dan sahabat tanpa ada inisiatif yang sepatutnya, malah, wujud daripada kalangan mereka yang masih malu menonjolkan diri di hadapan masyarakat dan persekitaran sekeliling akibat kecacatan yang mereka alami. Oleh hal yang demikian, para pemimpin dan aktivis OKU perlu bangkit menyedarkan sesama mereka untuk hidup bermasyarakat dan menikmati kehidupan seperti masyarakat lain yang normal daripada terkurung di tempat tinggal masing-masing. Dalam penyelidikan yang dijalankan menerusi kaedah temu bual, tinjauan dan PKB, hasil dapatan diperoleh dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan program perkhidmatan ILC di Malaysia, antaranya penambahbaikan latihan dan program, penambahbaikan perkhidmatan pembantu peribadi, penambahbaikan tadbir urus DPO dan NGO OKU serta penambahbaikan tadbir urus, dana dan kewangan pegawai JPOKU, JKM.

Sepanjang melakukan penyelidikan ini, walaupun tempoh masa diberikan terlalu singkat, terdapat beberapa isu DPO dan NGO OKU, antaranya ialah pengurusan kewangan dan tadbir urus pentadbiran. Program yang dijalankan oleh pelaksana dan pengurus program perkhidmatan ini menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan dengan program perbincangan sesama OKU, kaunseling rakan sebaya dan latihan menguruskan diri di pusat aktiviti mereka. Namun, rekod-rekod pentadbiran dan kewangan tiada di pusat perkhidmatan tersebut disebabkan ia disimpan di pejabat NGO OKU di daerah lain dari pusat perkhidmatan ILC.³

Perkara ini tidak sepertutnya terjadi kerana ia menyukarkan proses pentadbiran dan pemantauan. Dicadangkan agar semua urusan berkaitan pentadbiran dan kewangan serta program termasuk mesyuarat dan aktiviti berkaitan perlu diuruskan di lokasi perkhidmatan ILC masing-masing.

Selain itu, terdapat juga aktiviti tidak sihat terutamanya kejadian penyelewengan kewangan di peringkat jawatan kuasa program perkhidmatan ILC. Peruntukan geran kewangan yang disalurkan oleh pihak kerajaan melalui JPOKU telah disalah guna dengan tujuan lain walaupun dikatakan untuk kebajikan OKU, malah ada juga yang digunakan untuk tujuan peribadi. Peruntukan geran kewangan yang diberikan kepada DPO dan NGO OKU yang terpilih melaksanakan program perkhidmatan ini adalah semata-mata untuk memenuhi tujuannya yang asal iaitu bayaran perbelanjaan bagi melicinkan program perkhidmatan ILC termasuk bayaran sagu hati bantuan perkhidmatan pembantu peribadi dan pengangkutan, selain bayaran sagu hati kepada penyelaras program dan kaunselor rakan sebaya.

Penyelewengan kewangan ini turut melibatkan campur tangan politik oleh ahli politik setempat dan parti-parti politik yang mewakili mereka (Mohamad Muzammil 2022, 119). Misalnya, pada tahun pertama diperkenalkan program perkhidmatan ILC 2019, peruntukan geran kewangan tidak sama rata disalurkan di setiap lokasi ILC. Jumlah peruntukan melalui dua lokasi program iaitu ILC MILAD, Petaling Jaya sebanyak RM530,000.00 dan ILC@PLPP, Bangi pula diperuntukkan sebanyak RM370,000.00. Jadual 1 menunjukkan jumlah peruntukan geran kewangan program perkhidmatan ILC di Malaysia yang diserahkan kepada tiga pusat pengendalian ILC di sekitar Lembah Klang pada tahun 2019 hingga tahun 2021 (JPOKU 2022).

Jadual 1: Jumlah peruntukan geran kewangan program ILC bagi tahun 2019–2021

Lokasi ILC	Jumlah geran, Ringgit Malaysia (RM)		
	2019	2020	2021
ILC MILAD	530,000.00 ^a	540,000.0 ^b	243,000.00
ILC@PLPP	370,000.00	360,000.00	243,000.00
ILC RAWANG	— ^c	360,000.00	243,000.00
Jumlah	900,000.00	1,260,000.00	729,000.00

Nota: ^aPeruntukan untuk pengoperasian berjumlah RM370,000.00 dan peruntukan untuk latihan sebanyak RM160,000.00; ^bPeruntukan untuk pengoperasian berjumlah RM360,000.00 dan peruntukan untuk latihan sebanyak RM180,000.00; ^cBelum bermula pengoperasian program ILC di Rawang.

Sumber: Mohamad Muzammil (2022, 130)

Kawasan Petaling Jaya merupakan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mewakili ideologi parti politik berbeza. Merujuk perkara ini, seorang pemimpin DPO dan NGO OKU pernah memberi jawapan berkaitan keterlibatan pemimpin politik dalam pelaksanaan program perkhidmatan ILC, iaitu; “kerajaan bagi duit, kita pakai” (Mohamad Muzammil 2022, 119). Penjelasan ringkas beliau dapat memberi maksud bahawa peruntukan geran penyelidikan yang disalurkan oleh JPOKU dan JKM akan diguna pakai untuk tujuan menjalankan program perkhidmatan ILC, namun, “penglibatan kami (OKU) dalam politik tetap menjadi keutamaan untuk memenuhi hasrat dan tujuan kami supaya tidak diabaikan walaupun pandangan ideologi politik berbeza” (Mohamad Muzammil 2022, 119).


Sekiranya terdapat aduan, agensi kerajaan yang mengeluarkan peruntukan geran kewangan adalah wajib menyiasat kes salah guna tanggungjawab atau kuasa sedalam-dalamnya apabila berlaku penyelewengan kewangan atau pecah amanah di lokasi program perkhidmatan ILC. Sebuah jawatankuasa kecil penyiasatan yang khusus menyiasat perkara ini perlu diwujudkan di peringkat kementerian dan jabatan supaya penyiasatan yang telus dan adil dilakukan dengan segera. Jawatankuasa ini perlu juga dianggotai oleh kementerian tersebut.

Bagi melaksanakan sebuah perkhidmatan yang berimpak baik, telus dan cekap oleh pihak JPOKU, JKM dalam melaksanakan program perkhidmatan ILC, dicadangkan agar proses pemilihan pihak pengendali daripada DPO dan NGO OKU dilakukan dengan teliti dan bersistematik. Hal ini juga perlu pemantauan daripada aspek pengurusan pentadbiran dan pengurusan kewangan agar tidak berlaku penyelewengan, pecah amanah dan unsur-unsur negatif lain semasa program perkhidmatan ini dilaksanakan di lokasi-lokasi perkhidmatan ILC. Antara maklumat yang perlu diberi perhatian ialah:


1. Pemilihan pengendali program perkhidmatan dengan lebih teliti dan telus;
2. Mengadakan sesi temu duga pengendali program perkhidmatan;
3. Persembahan atau pembentangan kertas kerja projek program perkhidmatan;
4. Taklimat pengurusan pentadbiran dan kewangan semasa dalam sesi temu duga;
5. Taklimat syarat-syarat atau terma-terma penting pelaksanaan program perkhidmatan semasa dalam sesi temu duga;
6. Membangunkan sebuah jawatankuasa khas pemantauan bagi memantau sistem pengendalian program perkhidmatan ini;

7. Mewujudkan sebuah jawatankuasa penyiasatan jika berlaku isu-isu yang timbul dalam pengendalian program perkhidmatan ini; dan
8. Sistem audit yang teratur dan efisien.

Rajah 1 dan 2 menunjukkan aliran proses kerja di pusat aktiviti program perkhidmatan ILC dan proses pemilihan dan pemantauan program perkhidmatan ILC untuk dipertimbangkan oleh pihak jabatan.



Rajah 1: Aliran proses di pusat aktiviti program perkhidmatan ILC.
Sumber: Mohamad Muzammil (2022, 141)



Rajah 2: Aliran proses pemilihan dan pemantauan program perkhidmatan ILC
Sumber: Mohamad Muzammil (2022, 142)

Beberapa saranan dicadangkan seperti dalam Rajah 1 dan 2 dapat dipertimbangkan untuk menghasilkan sebuah program yang memperkasakan dan membangunkan kehidupan OKU di Malaysia yang berkonsepkan ILC Malaysia. Cadangan penambahbaikan ini adalah hasil tinjauan, sesi PKB dan temu bual dengan pelaksana program, klien OKU, OKU dan kakitangan agensi kerajaan yang terlibat.

RUMUSAN

Pengenalan program perkhidmatan ILC untuk OKU pada tahun 2019 telah membawa sebuah lembaran baharu dalam inisiatif memperkasakan dan membangunkan taraf kehidupan komuniti OKU di Malaysia. Dapatan hasil penyelidikan ini telah menemui pandangan OKU dan kelemahan dalam program perkhidmatan ILC di ketiga-tiga tempat serta memberi input tambahan atau penambahbaikan program ini. Di samping itu, ia memberi idea untuk menambah perkhidmatan yang lebih cekap dan bermanfaat kepada OKU Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa program perkhidmatan ini masih baharu diperkenalkan dan dilaksanakan di Malaysia tetapi dalam tempoh masa empat tahun ia dikendalikan oleh DPO dan NGO OKU, pelbagai sudut pelaksanaan program perkhidmatan ini dilihat perlu ditambahbaik terutama dari aspek pengurusan pentadbiran dan kewangan daripada kedua-dua pihak iaitu JPOKU dan DPO dan NGO OKU, di samping pengemaskinian sistem pengendalian dan pelbagai lagi saranan atau cadangan yang telah dikemukakan. Penanda aras ditemui semasa melakukan kajian di PPDK serta penelitian bacaan dalam pelaksanaan perkhidmatan ini dari luar negara, terutama negara Jepun perlu dilihat semula dan dititiberatkan oleh kedua-dua pihak iaitu DPO dan NGO OKU serta JPOKU dan JKM.

Penyelidikan yang dijalankan telah membentuk beberapa penghasilan dan teori yang dibangunkan oleh penyelidik untuk memberi keberkesanan dan idea tambahan kepada pihak Kerajaan Malaysia dan DPO dan NGO OKU dalam mengendalikan program perkhidmatan ILC. Beberapa penghasilan dan teori yang dibangunkan iaitu kerangka konseptual keberkesanan program perkhidmatan ILC, reka bentuk kajian keberkesanan program perkhidmatan ILC, klasifikasi tahap kecacatan di Malaysia, membangunkan satu kerangka penanda aras, Model Penanda Aras Program Perkhidmatan ILC Malaysia, pusat aktiviti program perkhidmatan ILC serta proses pemilihan dan pemantauan program perkhidmatan ILC. Pihak agensi kerajaan yang terlibat dapat menyemak kembali syor-syor untuk pertimbangan melalui penghasilan dan teori yang dibangunkan agar dapat disesuaikan dan diguna pakai dalam program perkhidmatan ini.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Institut Sosial Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKMM), yang memperuntukkan sejumlah wang untuk penyelidikan bertajuk “Penilaian Semula Keberkesanan Pusat Kehidupan Berdikari (*Independent Living Centre*) Orang Kurang Upaya (OKU) di Lembah Klang” termasuk konsultansi perkhidmatan pembangunan, instrumen dan analisis data dari bulan Mei hingga November 2022.

NOTA

1. Menerusi RMK-11, Kerajaan Malaysia melaksanakan anjakan dasar pembangunan dan merangka pendekatan baharu bagi menangani pelbagai cabaran baharu dan sedia ada. Enam (6) teras strategik (Strategi B6) iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya telah diperkenalkan bagi membantu Malaysia sentiasa bersedia menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang berikutnya perubahan landskap global dan politik yang pantas. Tempoh Rancangan Malaysia ini disifatkan sebagai kemuncak 30 tahun perjalanan menuju Wawasan 2020 sebagai platform untuk memacu pertumbuhan negara. Hasrat Strategi B6 adalah bagi memperkuuhkan pembangunan inklusif ke arah masyarakat yang saksama dan pembangunan inklusif demi meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat (Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi 2015).
2. Maklumat ini diperoleh hasil pengumpulan data daripada OKU sekitar Lembah Klang dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan tiga cara iaitu tinjauan secara umum melalui aplikasi Google Forms, kerja lapangan di ILC MILAD, Petaling Jaya, ILC@PLPP, Bangi dan ILC Rawang.
3. Maklumat ini diperoleh hasil pengumpulan data daripada pengendali program perkhidmatan ILC di sekitar Lembah Klang dengan menggunakan kaedah kerja lapangan iaitu temu bual di ILC MILAD, Petaling Jaya, ILC@PLPP, Bangi dan ILC Rawang.

RUJUKAN

- Berita Harian.* 2018. Teks ucapan penuh kajian separuh penggal RMK-11 2016–2020. 18 October. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/487719/teks-ucapan-penuh-kajian-separuh-penggal-rmk-11-2016-2020> (accessed 6 June 2022).
- Independent Living Organization. (n.d.). Shoji Nakanishi, Japan. <https://www.independentliving.org/25years2008nakanishi> (accessed 27 April 2022).

- JPOKU (Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya). 2022. *Laporan kewangan, agihan peruntukan, 2019–2021*. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.
- Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi. 2015. *Ringkasan eksekutif Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020: Pertumbuhan berpaksikan rakyat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. 2018. *Pelan pelaksanaan dasar kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020: Keutamaan dan penekanan baharu*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2022. Kajian Penilaian semula keberkesanan pusat kehidupan berdikari (*independent living centre*) orang kurang upaya (OKU) di Lembah Klang. Laporan akhir penyelidikan. Institut Sosial Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- _____. 2023. Konsep dan penubuhan pusat kehidupan berdikari di Malaysia: Suatu sorotan awal. *International Journal of Social Policy and Society* 19: 39–58.
- Oliver, M. and C. Barnes. 2012. *The new politics of disablement*. London: Macmillan International Higher Education.
- UPIAS (The Union of Physically Impaired People Against Segregation). 1975. *Fundamental principles of disability*. London: The Disability Alliance.